

KULIAH ZOHOR

“Bekerjasama Untuk Dakwah”

Masjid Maarof | 4 September 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ
الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan

“Dan orang-orang beriman lelaki dan orang-orang beriman perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong dari sebahagian yang lain, mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma`ruf, mencegah yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.” (Al-Taubah: 71)

Pengajaran

1. Orang lelaki dan perempuan adalah sederajat dari segi taklif dan pertanggungjawaban dalam melakukan amar ma`ruf dan nahi munkar (dakwah) serta amal jama`ii (kerja berorganisasi).
2. Apabila Allah taala mensifatkan orang mukmin lelaki dan perempuan penolong bagi satu dan yang lain ia merupakan anjuran terhadap beramal secara kolektif (jama`ii).

3. Beramal jama`ii adalah sifat seorang mukmin dan tanda kesempurnaan iman.
4. Ayat ini sepatutnya menjadi motivasi yang kuat untuk;
 - beramal jama`ii
 - membangun jaringan kerjasama, sinergi dan pakatan sesama individu Muslim dan badan-badan Islam
 - menjadikan agenda ke arah penyatuan sebagai satu perkara yang penting.
5. Ini adalah kerana pada kerjasama dan usaha ini dijanjikan rahmat dari Allah taala.

6. Sememangnya dalam beramal jama`ii, bekerjasama dan sinergi mempunyai kelecehan, kerenah dan kepayahan yang bukan kecil
 - sebab itu juga ganjarannya besar
 - rahmat dan syurga Allah itu mahal, perlu dibayar dengan harga yang setimpal.

7. Meninggalkan sebuah organisasi yang tidak lagi relevan atau korup adalah wajar
 - tapi, tidak wajar meninggalkan sama sekali amal jama`ii disebabkan kelemahan satu organisasi, kerana organisasi Islam bukan satu.

8. Kaum perempuan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama penting dengan kaum lelaki dalam dakwah
 - perlu fikir bagaimana kaum perempuan dapat memainkan peranan ini menjangkau dari setakat menjadi ibu kepada anak-anak dan isteri kepada si suami.

9. Perlu kaum lelaki membantu dan memudahkan bagi anak-anak perempuan dan isteri-isterinya untuk terlibat dalam usaha dakwah di luar rumah pada batas-batas syarak
 - jangan menyulitkan mereka
 - jangan bataskan potensi mereka hanya untuk diri dan keluarganya sahaja.

KULIAH ZOHOR

“Peranan Rakan Seperjuangan Dalam Dakwah”

Masjid Maarof | 4 September 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَاجْعَلْ لِي وَاوَّلِيَّ وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي
هَارُونَ أَخِي
اشْدُدْ بِهِ أَزْرِي
وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِي
كَيْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا
وَنَذُكُرَكَ كَثِيرًا
إِنَّكَ كُنْتَ بِنَا بَصِيرًا

Terjemahan

“Dan jadikanlah aku seorang pembantu dari kalangan keluargaku.

(Iaitu) Harun, saudaraku.

Teguhkan dengan dia kekuatanku.

Dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku.

Supaya kami banyak bertasbih kepada Engkau.

Dan banyak mengingat Engkau.

Sesungguhnya Engkau Maha Melihat (keadaan) kami.” (Taha: 29-35)

Pengajaran

1. Ayat ini menceritakan bagaimana nabi Musa a.s meminta diberi pendokong dalam kerja dakwah dan mensifatkan sifat pendokong dakwah yang baik.
2. Sebagaimana dakwah itu perlu dilakukan secara berjamaah, pendakwah secara individu juga memerlukan pendokong atau rakan / beberapa rakan yang rapat dalam perjuangan.

3. Perlu seorang mukmin untuk menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat seorang rakan seperjuangan / pendokong dakwah yang baik - sifat 'Harun' bagi nabi Musa a.s.

4. Peranan rakan dakwah;
 - a. meneguhkan saudara kita dalam usaha dakwah
 - b. membantu dia melalui pelbagai cara
 - c. sumber kekuatan dalam diri saudara kita
 - d. jadi aset bukan beban kepada saudara kita
 - e. sentiasa bersama dalam kerja, bukan biarkan dirinya sendirian bekerja, bukan “tai-chi” kerja,
 - f. saling mendidik untuk mendekatkan diri kepada Allah taala dengan tasbih dan zikir
 - g. pemotivasi untuk beribadah dan menggandakan amal bukan meleakakan dia atau menjadi sumber kelalaian
 - h. sebab mengingat Allah